



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

**SEMPENA**

**“SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA  
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2017”**

**19 DISEMBER 2017 (SELASA)**

**8.30 PAGI**

**BERTEMPAT DI KAWASAN LAPANG TAMAN BERSATU**

**NIBONG TEBAL, SPS**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Dato' Hj Mohd Rashid bin Hasnon**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang  
& Alam Sekitar

**Yang Berhormat Dato' Mansor Bin Haji Othman**  
Ahli Parlimen Nibong Tebal

**Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee**  
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Jawi

**Yang Berbahagia Dato' Maimunah Mohd Sharif**  
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**YBhg. Tpr Dato' Haji Mohd Anuar Bin Maidin**  
Pengarah PlanMalaysia@Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Ar. Yew Tung Seang**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani binti Hj Mahmud**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang

**Agensi-agensi Kerajaan dan swasta**

**JKKK Taman Bersatu, Nibong Tebal**

**Rakan-rakan media**

**Semua hadirin dan hadirat sekalian**

**YB Tuan/ Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon, YB Dato' Seri Farizan Bin Darus, YB Tuan Phee Boon Boh, YB Dato' Mansor Bin Haji Othman, YB Tuan Soon Lip Chee, YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif, YBhg. Tpr. Haji Mohd Anuar Bin Maidin dan semua hadirin hadirat yang hadir ke Majlis Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017 yang diadakan di kawasan lapang Taman Bersatu, Nibong Tebal.

Tema yang dipilih untuk sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang kali ini adalah "**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**". Tema ini dipilih bagi

mewujudkan rakan taman di kawasan-kawasan lapang memandangkan kawasan-kawasan lapang ini seringkali digunakan oleh komuniti setempat untuk tujuan riadah dan rekreasi. Rakan Taman merupakan satu gerakan kesukarelaan dikalangan masyarakat yang berfungsi untuk sama-sama dengan Majlis menjaga dan memelihara kawasan lapang MPSP. Selain itu, dengan adanya rakan taman ini dapat membantu MPSP dalam memantau dan mencegah aktiviti vandalisme serta gejala yang tidak sihat di kawasan-kawasan tanah lapang milik MPSP. Disamping itu, ianya juga dapat menyemai kesedaran dalam kalangan masyarakat dan untuk menzahirkan sifat sayang kepada entiti landskap.

Pada tahun ini sempena dengan tema “**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**”, MPSP dan komuniti Seberang Perai telah dengan segeranya menyahut seruan ini untuk berkerjasama, bantu-membantu di dalam menjaga dan menyelenggara taman-taman awam berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Pada hari ini terdapat lima (5) rakan taman yang akan diberi sijil penghargaan kerana mereka merupakan rakan taman yang sulong yang ditubuhkan sempena tema “**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**”. Walau bagaimanapun, daripada semasa ke semasa, MPSP akan melantik rakan taman di kawasan atau lokasi yang lain pula untuk komuniti membantu menjaga kawasan lapang.

Kawasan Lapang Taman Bersatu, Nibong Tebal ini dipilih untuk Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017 kerana keadaan lokasinya yang menarik dan mempunyai keluasan taman yang agak luas iaitu 7387 meter persegi dan sesuai untuk sebarang bentuk aktiviti atau program penduduk setempat.

MPSP telah menaiktaraf Kawasan Tanah Lapang Bersatu ini pada tahun lepas yang mana ianya menelan belanja sebanyak RM182,030.00. Komponen-komponen yang telah dinaiktaraf adalah penanaman pokok renek dan pokok-pokok teduhan, laluan pejalan kaki, wakaf, peletakan tong sampah, bangku-bangku taman, alat permainan kanak-kanak dan kemudahan-kemudahan senaman. Saya berharap dengan adanya gerakan rakan taman ini akan dapat membantu majlis dalam menjaga keindahan dan keselamatan kemudahan-kemudahan ini.

Pada hari ini, kita dapat melihat pelbagai aktiviti diadakan seperti pameran-pameran, pertandingan mengubah buah, teka silang kata dan diserikan dengan persembahan daripada Pasukan Kompang dan Tarian PUSPANITA MPSP. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada semua yang telah menjayakan pameran-pameran pada hari ini iaitu daripada:

- i. Jabatan Alam Sekitar
- ii. Jabatan Taman Botani
- iii. Jabatan Kesihatan Negeri
- iv. Aspen Group
- v. Pejabat Daerah dan Tanah SPS
- vi. Jabatan Perancang Bandar MPSP
- vii. Eurasia Express
- viii. Polis Di Raja Malaysia, SPS

MPSP mempunyai 12 Taman Rekreasi Awam iaitu lima (5) di SPU, lima (5) di SPT dan dua (2) di SPS manakala kawasan-kawasan lapang MPSP ialah sebanyak 1241 lokasi. Ini merupakan satu cabaran yang hebat untuk MPSP menyelenggara kawasan tersebut sekiranya tiada kerjasama daripada penduduk setempat.

Oleh itu, MPSP sentiasa mengamalkan pendekatan *customer centric* dengan memberi peluang kepada penduduk dan syarikat-syarikat swasta melibatkan diri dalam kehijauan dan pengindahan. Terdapat sebanyak 27 projek CSR yang telah siap dilaksanakan di ketiga-tiga daerah dengan nilai RM7,529,545.70. MPSP masih mempunyai lapan (8) lokasi di SPU, 14 di SPT dan sepuluh (10) yang masih belum ditaja. Saya ingin menjemput mana-mana syarikat swasta atau JKKK yang berminat untuk memilih lokasi (boleh dapatkan

daripada Jabatan Landskap MPSP) untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan projek keindahan dan kehijauan ini.

Sebagai tanda penghargaan kepada syarikat-syarikat yang telah melibatkan diri dalam projek keindahan dan kehijauan, sijil-sijil penghargaan akan diberikan kepada 17 penaja-penaja program CSR di MPSP dan tiga (3) penaja program di MBPP.

MPSP berjanji untuk menunaikan kehendak komuniti Seberang Perai yang mahukan Seberang Perai menjadikan sebuah bandaraya rendah karbon pada tahun 2022. MPSP juga mensasarkan sebanyak 3000 batang pokok ditanam setiap tahun mulai tahun 2018 hingga 2022. Selain itu, pada tahun 2018, MPSP akan mengadakan satu program yang dikenali sebagai “*One Baby One Tree*” di mana setiap bayi yang lahir akan diberi penghormatan kepada ibu atau bapanya untuk menanam sepohon pokok di kawasan tanah lapang milik MPSP yang akan dikenalpasti. Program-program sebegini diadakan adalah bagi mencapai hasrat untuk mengindahkan dan menghijaukan kawasan Seberang Perai. Untuk makluman, sehingga kini MPSP telah berjaya menanam sebanyak 243,000 batang pokok daripada pelbagai jenis dan secara tidak langsung menghasilkan 30.62 kilo tan oksigen dan sebanyak 5.346 kilo tan korbon diokasida diserap dalam tempoh setahun.

Harapan saya adalah semoga Sambutan Hari Landskap Negara 2017 Peringkat Negeri Pulau Pinang ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kewujudan taman-taman awam untuk mereka beriadah dan melakukan aktiviti-aktiviti kecergasan dan seterusnya dapat membina kehidupan masyarakat yang lebih sihat. Jagalah taman rekreasi dan taman kejiranan kita dengan baik. Hargailah alat-alat kemudahan rekreasi dan senaman yang disediakan. Janganlah rosakkan peralatan atau kemudahan senaman sedia ada yang ada.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, sebagai urusetia program Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga “**Gerakan Rakan Taman Untuk Kesejahteraan Penduduk Bandar**” dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*